

25 SEP 2000

PERWAKILAN RSC-AP DIRAI OLEH SITI HASMAH

PUTRAJAYA, 25 Sept (Bernama) -- Anggota-anggota perwakilan ke mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Serantau bagi Kemajuan Wanita Luar Bandar dan Kepulauan (RSC-AP) diraikan dalam satu jamuan teh oleh Datin Seri Siti Hasmah Mohamed Ali di Seri Perdana di sini hari ini.

Isteri perdana menteri juga merupakan pengerusi RSC-AP.

Anggota-anggota itu juga telah dibawa melawat Putrajaya.

Persidangan dua hari itu yang bermula esok akan dirasmikan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Malaysia juga menganjur mesyuarat pertamanya tiga tahun lepas.

Sebanyak 150 anggota perwakilan dari 16 negara akan membincangkan antara lain kemajuan pelan tindakan Deklarasi Geneva untuk kepentingan wanita luar bandar.

RSC-AP, yang dianggotai isteri ketua-ketua kerajaan, ditubuhkan pada 1995 untuk memantau Deklarasi Geneva di peringkat Asia Pasifik.

Selain Malaysia, negara anggota terdiri Australia, Papua New Guinea, Tonga, Vietnam, Filipina, China, Indonesia, Pakistan, Iran, India, Maldives, Mongolia, Uzbekistan, Krygyzstan dan Kazakhstan.

-- BERNAMA

NM ZS MAI